



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan atau Penyebutharga Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan/atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dengan Kod Bidang Pendaftaran/ Kepala-Kepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan, perkhidmatan atau kerja seperti berikut:-

Bil	Butir Sebutharga	Syarat Sebutharga	Tarikh Iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
1	<b>JBPM/SL/SH(S)/36-2015</b> Penyelenggaraan Pili Bomba Fasa 1 Tahun 2015 (Zon 4) (Hulu Langat)	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G1, Kategori CE dan Pengkhususan CE20 (Sistem Bekalan Air) serta mempunyai Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), berdaftar dengan SYABAS (Syarikat Bekalan Air Selangor) dan mempunyai permit dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).  Dokumen sebutharga ini juga dipelawa kepada penyebutharga yang berdaftar mengikut daerah berkenaan:-  1) Zon Selangor Selatan 2) Zon Hulu Selangor	<b>Tarikh:</b> <b>15.6.2015</b> <b>(Isnin)</b>	<b>Tarikh:</b> <b>22.6.2015</b> <b>(Isnin)</b> <b>Jam: 12.00</b> <b>Tengahari</b>

2. Dokumen Sebut Harga ini boleh diperolehi di **Unit Kewangan Aras 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **15 Jun 2015 (Isnin)**.

3. Kontraktor hendaklah membawa Sijil Asal masih sah bagi **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor/Sijil Pendaftaran** dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, serta **Sijil Kontraktor Bertaraf Bumiputera dengan PKK (jika ada)** hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen **Sebut Harga** dan salinan fotostat hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.

5. **Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut.**

6. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Unit Kewangan Aras 2, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor, No.3, Persiaran Tebar Layar, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, **22 Jun 2015 (Isnin)**. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

7. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di alamat [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)